

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

KHAMIS 14 DISEMBER 2017 **RM1** BIL: 91 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

OIC mesti bersatu untuk lindungi Baitulmuqaddis

SIDANG Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang diadakan di Istanbul, Turki semalam menentang sebarang langkah untuk menjadikan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel.

Perdana Menteri, Datuk



Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada persidangan itu berkata, negara-negara Islam mesti bersatu dalam menolak keputusan Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Yahudi tersebut.

» LAPORAN DI MUKA 6



NAJIB (barisan kedua, empat dari kanan) bergambar bersama pemimpin-pemimpin OIC ketika menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC di Istanbul semalam.

Suami takut cerai bini didakwa rancang culik diri sendiri » 3

Budak maut tertembak senapang moyang ketika menonton televisyen » 9



Kerani hospital tipu tender RM211,000 didenda RM1 juta » 16

Korban rumah terbakar

4 mati dalam kebakaran rupa-rupanya mangsa bunuh

POLIS percaya empat sekeluarga yang ditemui mati dalam kebakaran sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat dekat Sepang, Selangor awal pagi semalam sebenarnya adalah mangsa bunuh.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisiner Fadzil Ahmat berkata, tiga mayat yang ditemui mempunyai kesan tetakan dan dipercayai dibunuh terlebih

dahulu sebelum mayat mereka dibakar.

Kes 1

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.30 pagi itu, mangsa yang maut ialah seorang pemilik ladang khinzir, Chia Tee Nang, 73, dan isterinya, Lim Mai Shak, 68. Turut terkorban cucu mereka, Chua Yuan Bin, 3, dan Ryan Chia, 10.

» LAPORAN DI MUKA 2



MANGSA bunuh dan bakar. Dari kiri, Mai Shak dan Tee Nang serta cucu mereka, Yuan Bin.

5 maut di pusat jagaan orang tua di Kajang

LIMA orang disahkan terkorban dalam tragedi kebakaran sebuah pusat jagaan orang tua di Sungai Long, Kajang, Selangor awal pagi semalam.

Kes 2

Kebakaran yang bermula di tingkat bawah banglo dua tingkat itu mengakibatkan dua warga emas rentung manakala dua lagi warga emas dan seorang penjaga warga Pakistan maut akibat terhidu asap tebal. Kesemua mangsa warga emas itu berusia antara



RUMAH banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan orang tua di Kajang, Selangor terbakar awal pagi semalam.

60 hingga 70-an. Ketika kejadian pada pukul 4.50 pagi, sembilan penghuni termasuk

mangsa sedang tidur nyenyak.

» BERITA DI MUKA 7



ANGGOTA bomba melakukan siasatan di lokasi kebakaran rumah mangsa di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Sepang semalam.